

TEKS UCAPAN
YBHG.DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2016/17
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR TAMAN BAGAN LALANG
30 OKTOBER 2016 (AHAD), 2.30 PETANG

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan
Lalulintas dan Tebatan Banjir.

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan
Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lee Tiong Lee

Pengurus Amphenol TCS, Bukit Minyak

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini bagi Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan bagi tahun 2016/17.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow dan YB Tuan Phee Boon Poh kerana sudi melapangkan masa untuk ke majlis ini. Tidak lupa juga rakaman jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada penaja-penaja program iaitu Amphenol TCS dan Kelab Lion Bayan Baru kerana sudi menjadi penaja utama Anugerah Komuniti Mampan 2016/17. Syarikat ini bukan sahaja menganjur anugerah ini, tetapi juga menjadikan Sungai Junjung Mati sebagai anak angkat bagi rawatan EM Mudball selama setahun. Saya berharap kerjasama dan penajaan ini akan berterusan untuk tahun hadapan dan seterusnya.

Untuk makluman, Anugerah Komuniti Mampan ini bermula dari tahun 2013. Pada tahun pertama pelancaran, sebanyak 8 komuniti telah menyertainya, tahun 2014 sebanyak 15 komuniti dan tahun 2015 penyertaan adalah sebanyak 18 komuniti. Harapan MPSP bagi anugerah keempat ini adalah

untuk mendapat sambutan daripada 30 komuniti. Komuniti yang mampan di tahun 2014 dan 2015 akan meneruskan usaha-usaha mampan yang dijalankan. Usaha ini mestilah ada kesinambungan (*continuity and sustainability*).

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Objektif anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai dan penambahbaikan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam penjagaan alam sekitar dan kemampanan komuniti. Prinsip LA 21 menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. 20 program utama yang dijalankan di bawah LA21 sepanjang 2016 adalah seperti berikut:

1. Anugerah Sekolah Hijau
2. Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika
3. Anugerah Kitar Semula Sekolah-Sekolah
4. Anugerah Komuniti Mampan
5. Program Sisa Sifar Sekolah

6. Program Sisa Sifar Komuniti
7. Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah
8. Pengkomposan
9. Program Pengindahan Bandar
10. Membuat Mud Ball
11. Kempen Makan Sampai Habis
12. Kebun Kejiranan (Community farming)
13. Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Tadika
14. Pengumpulan Kotak Minuman
15. Membuat Sabun Dari Minyak Masak Terpakai
16. Membuat Cecair BIM
17. Bengkel
18. Taklimat
19. Lawatan
20. Program *Upcycle*

Setiap komuniti dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu:

1. Perancangan dan Pengurusan = 20 markah
2. Amalan Sisa Sifar = 40 markah
3. Kebersihan dan penghijauan = 20 markah
4. Penglibatan Komuniti = 20 markah

Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah seperti

- i. Kitar Semula
- ii. Pengasingan Sisa di Punca
- iii. Kompos Sisa Organik
- iv. Membuat jus buah-buahan tertapai
- v. Penanaman pokok,
- vi. Pengindahan
- vii. Kebersihan taman
- viii. Kebun Kejiranan
- ix. Kempen kesedaran alam sekitar dan program sosial
- x. Gotong-royong.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, Pengasingan Sisa di Punca telah dijalankan sejak 1 Jun 2016. Kaedah pengasingan sisa di punca adalah pengasingan sisa kepada dua kategori sahaja. Sisa yang boleh dikitar semula dan sisa baki. Kaedah ini lebih mudah untuk difahami dan diamalkan oleh para penduduk tanpa perlu memikirkan cara yang terlalu rumit untuk mengasingkan sisa mereka. Melalui kempen Pengasingan Sisa di Punca, MPSP berharap kadar kitar semula di Seberang Perai dapat ditingkatkan kepada 50% menjelang tahun 2020.

Sepanjang pelaksanaan dasar ini bermula pada 1 Jun 2016 hingga 22 Oktober 2016, MPSP telah mengutip 166.9 tan bahan kitar semula. Beratan sampah dari Seberang Perai yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung bagi tempoh Jan – Sep 2016 menunjukkan penurunan sebanyak 8,304.78 tan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015. Jumlah sampah yang dikutip bagi Jan- Sept 2015 adalah sebanyak 323,183.6tan manakala bagi Jan-Sept 2016 adalah 314,878.82 tan.

Kadar pembuangan sampah perkapita di Seberang Perai juga telah menurun dari 1.6 kg/seorang/sehari pada tahun 2008 kepada 1.3 kg/seorang/sehari pada tahun 2015. Purata rumah yang terlibat dengan kutipan barang kitar semula oleh MPSP setiap hari Sabtu ialah 15,842 premis berbanding jumlah keseluruhan di Seberang Perai iaitu 198,409 premis (8% dari jumlah keseluruhan). Peratusan yang rendah ini disebabkan terdapat juga penghuni premis yang memilih untuk :

- Menjual sendiri barang kitar semula mereka
- Memilih untuk menghantar ke pusat pengumpulan komuniti
- Menyerahkan kepada pihak ketiga (*scavengers*) secara sukarela
- Dikutip oleh pihak ketiga (*scavengers*) sebelum MPSP membuat kutipan

Seperti yang kita sedia maklum, setiap Ahad pertama dalam setiap bulan, pihak MPSP mengadakan program *Car Free Morning@Seberang Perai* di

Seberang Jaya. Pihak komuniti yang mempunyai produk 'upcycle' atau hasil daripada program komuniti yang menyumbang kepada kelestarian alam, sentiasa diberi tapak-tapak bagi membolehkan mereka memasarkan hasil dari komuniti masing-masing. Jika mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi Jabatan Kemasyarakatan di talian 04-5497486/874 (Encik Chew Eng Seng/ Roslenda/ Fatin/ Mishna).

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP juga menjalankan bengkel-bengkel dan jalinan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan serta NGO yang lain dalam memberi tunjuk ajar kepada pihak komuniti dalam membentuk sebuah komuniti yang mampan terutamanya mengamalkan 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*. Pelbagai aktiviti telah dijalankan saban tahun. Jika dilihat pada tahun 2015 sahaja terdapat 235 aktiviti yang digerakkan di bawah *Local Action 21*, yang mana aktiviti-aktiviti ini turut melibatkan pelbagai lapisan seperti pihak komuniti, NGO, kilang, pejabat, sekolah dan tadika. Ini membuktikan bahawa MPSP amat mengutamakan kelestarian dalam pembangunan di kawasan Seberang Perai ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, ribuan terima kasih sekali lagi kepada Amphenol TCS dan Kelab Lion Bayan Baru yang menaja dan bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Komuniti Mampan ini. MPSP sangat berbesar hati

dan berharap Amphenol TCS dan Kelab Lion Bayan Baru dapat terus menaja anugerah seperti ini di masa dan tahun-tahun yang akan datang. Di samping itu, saya juga berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat besar di luar sana akan mengikut jejak langkah Amphenol TCS dan Kelab Lion Bayan Baru untuk menjayakan hasrat MPSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah mencapai "*International World Class Intelligence City*".

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.